

# Permohonan Muhyiddin gugur 7 pertuduhan ditolak

**Kuala Lumpur:** Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, gagal untuk menggugurkan empat pertuduhan salah guna kedudukan membabitkan suapan berjumlah RM232.5 juta dan tiga kes perubahan wang haram (AM-LA) berjumlah RM200 juta.

Sehubungan itu, kes berprofil tinggi yang dihadapi bekas Perdana Menteri itu akan diteruskan dengan perbicaraan, di mana pihak pendakwaan akan memanggil 30 saksi untuk memberikan keterangan.

Ia susulan Jabatan Peguam Negara (AGC) menolak representasi yang dihantar pasukan peguam Ahli Parlimen Pagoh itu yang diketuai peguam Da-

tuk Hisyam Teh Poh Teik untuk menggugurkan semua tujuh tuduhan berkenaan pada 19 Ogos lalu.

Pada sebutan kes itu semalam, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa AGC menolak representasi itu pada 22 Ogos lalu.

Sementara itu, peguam Datuk Amer Hamzah Arshad memaklumkan bahawa pihak pembelaan sudah menerima senarai saksi, bagaimanapun memerlukan pernyataan saksi bagi



*Muhyiddin Yassin*

menyediakan pembelaan.

Wan Shahrudin berkata, pendakwaan memerlukan tarikh perbicaraan untuk menghimpunkan semua dokumen bagi diserahkan kepada peguam bela.

Hakim K Munian-dy kemudian menetapkan 10 November depan bagi sebutan kes sebelum mahka-

mah memutuskan tarikh perbicaraan.

Seperti pada prosiding semalam, kehadiran Muhyiddin turut dikecualikan pada tarikh sebutan nanti.

Pada 15 Ogos tahun lalu, Mahkamah Tinggi membatalkan empat pertuduhan terhadap Muhyiddin atas alasan ia kabur dan tidak berasas, bagaimana-pun pada 28 Februari lalu, Mahkamah Rayuan memerintahkan ia dikembalikan ke Mahkamah Sesyen untuk tindakan lanjut.

Pada 4 April lalu, Muhyiddin memohon supaya kesnya dipindahkan ke Mahkamah Tinggi atas alasan ia membabitkan isu undang-undang yang kompleks dan berkepentingan awam.

Permohonan itu turut menyatakan bahawa perbicaraan di Mahkamah Tinggi adalah lebih sesuai dan tidak memudaratkan mana-mana pihak.

Empat daripada pertuduhan terhadap Muhyiddin membabitkan dakwaan menyalahgunakan kedudukan sebagai Perdana Menteri dan Presiden BERSATU untuk mendapatkan suapan berjumlah RM232.5 juta daripada seorang individu dan tiga syarikat.

Tiga lagi pertuduhan membabitkan penerimaan wang hasil aktiviti haram berjumlah RM200 juta daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke dalam akaun parti.

Pada 16 Jun lalu, Hakim Mahkamah Sesyen Datuk Muhammad Jamil Hussin membenarkan permohonan Muhyiddin untuk memindahkan kes berkenaan ke Mahkamah Tinggi.